



#### Veterinar UPM Makmal Pertama IPTA dapat Akreditasi SAMM



*Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menerima sijil Akreditasi Skim Akreditasi Makmal Malaysia daripada Fadilah Baharin sambil diperhatikan oleh Prof. Madya Dr. bashir Ahmad Fateh Muhamed.*

**SERDANG, 4 Ogos** – Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan fakulti pertama di Malaysia yang mendapat sijil akreditasi Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) berdasarkan standard MS ISO/IEC MS 17025:2005 daripada Jabatan Standard Malaysia.

Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar UPM atau dikenali dengan nama Veterinary Laboratory Services Unit (VLSU) merupakan makmal diakredit di bawah SAMM bagi pengujian veterinar dan makmal ketiga selepas Vet Food Agro Diagnostics (M) Sdn. Bhd. dan Makmal Veterinar Kawasan Petaling Jaya, jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Dekan fakulti, Prof. Madya Dr. bashir Ahmad Fateh Muhamed berkata Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar telah ditubuhkan pada tahun 2004 merangkumi 12 makmal antaranya makmal Bakteriologi, Biologi, Hematologi dan Patologi Klinikal, Histopatologi, Biologi Molekul, Parasitologi, Patologi, Post Mortem dan Virologi.

"Aktiviti utama makmal ini adalah menyediakan servis diagnosis yang berkualiti dan khidmat penyelidikan kepada pelanggan.

"VLSU diketuai oleh Ketua Jabatan Patologi dan Mikrobiologi, diselaraskan oleh Penyelaras VLSU dan Pengurus Kualiti, dibantu oleh pengurus VLSU dan 12 orang penyelaras makmal," katanya dalam Majlis Penyampaian Sijil Akreditasi di Fakulti Veterinar UPM.

Beliau berkata kepakaran dalam setiap makmal ini dapat menghasilkan keputusan analisis, pentafsiran dan diagnosis berkualiti tinggi bagi membantu rawatan penyakit di Hospital Veterinar Universiti (UVH).

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata bahawa Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar UPM merupakan yang pertama seumpamanya di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

"Kejayaan fakulti ini selari dengan hasrat UPM untuk menjadi sebuah universiti penyelidikan bertaraf dunia seterusnya menyumbang ke arah pencapaian kecemerlangan UPM," katanya lagi.

Beliau berkata bahawa kejayaan memperoleh Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) itu disokong dengan kejayaan Fakulti Veterinar UPM memperoleh sijil pengurusan berkualiti berdasarkan MS ISO 9001:2000 pada tahun 2000 yang lalu secara menyeluruh bagi skop pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Fadilah Baharin, staf dan kakitangan fakulti Veterinar dan pegawai UPM yang lain.



*Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah memberikan ucapan perasmian pada Majlis Penyampaian Sijil Akreditasi.*

**Unit Media, Bahagian Komunikasi korporat, UPM.**